

# Ekopelancongan perlu seimbang

## Seiring dengan perkembangan pesat industri pelancongan di Sabah

Oleh Siti Aisyah Narudin

DB 18-10-2019 5

**KOTA KINABALU:** Perkembangan pesat industri pelancongan di negeri ini perlu seimbang dengan pembangunan ekopelancongan yang mampan.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Christina Liew berkata, ketibaan jumlah pelancong yang tinggi ke Sabah perlu seiring dengan pemerkasaan pengurusan alam sekitar.

Katanya, keindahan alam semula jadi dan keunikan spesies hidupan liar menjadi tarikan utama pelancong berkunjung ke negeri ini.

Sehubungan itu katanya, usaha untuk memastikan pengurusan ekopelancongan yang mampan perlu dipergiatkan menerusi pelbagai pendekatan.

“Saya percaya, kita ada kempen kesedaran yang bukan sahaja dapat mendidik golongan pelancong malah masyarakat kita sendiri untuk mengamalkan budaya menjaga alam sekitar.

“Amalan ini juga mampu memberi kesan yang baik kepada industri pelancongan.

“Kita perlu didik masyarakat bagaimana untuk bergerak maju seiring dengan perkembangan pesat industri pelancongan di Sabah,” katanya.

Christina berkata demikian pada sidang media selepas majlis Perasmian Seminar Meningkatkan Hasil Melalui Pertumbuhan serta Amalan Lestari dalam Perjalanan dan Pelancongan: Merangkul Piawaian Lestari Global di sini semalam.

Seminar berkenaan dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Pelancongan Borneo (BTRC) dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menurutnya, keperluan ekopelancongan adalah penting kerana perkembangan pesat industri tidak akan bermakna tanpa kelestarian pengurusan alam semula jadi dan hidupan liar.

Katanya, perlu ada asas yang kukuh untuk memulakannya dengan mendidik



**RASMI:** Christina (tengah) melancarkan simbolik perasmian seminar itu bersama Raman (kiri) dan Jennifer (kanan).

masyarakat dan pelancong mengenai kepentingan ekopelancongan.

“Seminar yang dianjurkan ini sangat bersesuaian dalam mengumpulkan idea dan pandangan orang ramai untuk diserahkan kepada kementerian.

“Rumusan daripada seminar ini akan disampaikan kepada kementerian saya untuk

mengenal pasti langkah terbaik dalam mempromosikan ekopelancongan yang lebih mampan,” jelasnya.

Turut hadir, Dekan FPEP Prof. Madya Dr. Raman Noordin yang mewakili Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin dan Pengarah BTRC Prof. Dr. Jennifer Chan Kim Lian.



**PESERTA:** Para peserta seminar dan tetamu jemputan merakamkan gambar bersama pada majlis itu.